A

Pendakwa Raya lwn Yap Sooi Loong

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05(S)-257–09 TAHUN 2015(W)
MOHTARUDIN BAKI, AHMADI ASNAWI DAN ABDUL RAHMAN SEBLI HHMR
13 APRIL 2016

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap hukuman — Responden dituduh memiliki dadah — Sama ada hukuman terhadap responden setimpal — Sama ada terdapat rundingan akuan — Sama ada rundingan akuan perlu diambil kira dalam hukuman — Sama ada pengakuan salah responden memberi kesan kepada hukuman — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 12(2)

D

Responden dalam kes ini pada awalnya dituduh dengan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(A) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Walau bagaimanapun satu pertuduhan pilihan iaitu tuduhan memiliki dadah berbahaya di bawah s 12(2) ADB telah ditawarkan kepada responden di atas representasi yang dikemukakan oleh responden kepada perayu. Pada 3 Februari 2014, ketika menjalankan pengawasan, seorang pegawai polis berpangkat sarjan bersama anggotanya melihat responden dalam keadaan mencurigakan lalu menghampirinya dan memperkenalkan diri sebagai polis. Responden mendiamkan diri apabila ditanya sama ada dia ada menyimpan apa-apa barang salah. Setelah menjalankan pemeriksaan ke atas badan responden, pegawai polis berkenaan telah menjumpai satu bungkusan plastik berwarna biru yang di dalamnya mengandungi plastik lutsinar berisi ketulan-ketulan jernih yang disyaki dadah jenis syabu. Responden telah ditangkap dan diserahkan kepada pegawai penyiasat bersama-sama dengan semua barang kes yang dirampas. Ahli kimia telah mengesahkan bahawa barang kes tersebut adalah dadah jenis methamphetamine seberat 53.73g. Di Mahkamah Tinggi, responden telah mengaku salah atas tuduhan pilihan iaitu memiliki dadah di bawah s 12(2) ADB dan dijatuhkan hukuman penjara selama sembilan tahun dan minimum sepuluh rotan sebatan. Tidak berpuas hati dengan keputusan hakim bijaksana, perayu mengemukakan rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan tersebut. Perayu berhujah bahawa jumlah dadah tersebut cukup besar dan telah 'trigger' anggapan statutori mengedarkan dadah tersebut. Perayu juga berhujah bahawa, dalam kes-kes penyalahgunaan dadah, kepentingan awam hendaklah diberikan keutamaan berbanding kepentingan individu. Seterusnya, perayu berhujah bahawa hukuman yang dijatuhkan tidak sehaluan dengan 'trend' penghukuman untuk kes-kes yang sama. Perayu juga menegaskan bahawa hakim bicara gagal mengambil kira rekod kesalahan lampau responden dan memberi pertimbangan yang

E F G H I

berlebihan ke atas kepentingan responden. Perayu seterusnya berhujah bahawa hakim bicara telah mengambil kira rundingan akuan yang tidak wujud. Responden sebaliknya berhujah bahawa dia telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak polis semasa dan selepas tangkapan. Selain itu, rekod kesalahan lampau responden merupakan kes-kes yang kecil dan dijatuhi hukuman beberapa bulan penjara sahaja. Responden juga berhujah bahawa dia mempunyai ibu yang berumur 70 tahun untuk dijaga.

Diputuskan, membenarkan rayuan, mengetepikan hukuman Mahkamah Tinggi dan menggantikannya dengan hukuman 15 tahun penjara:

(1) Hakim bicara telah mengambil kira kesemua faktor-faktor yang relevan dan telah menggunakan prinsip-prinsip penghakiman yang betul dalam menjatuhkan hukuman ke atas responden, namun hukuman yang dijatuhkan tersebut tidak menggambarkan apa yang dicernakan oleh hakim bicara dalam alasan penghakimannya. Hukuman tersebut juga tidak menggambarkan betapa seriusnya kesalahan yang telah dilakukan oleh responden dan betapa kepentingan awam perlu dilindungi dengan secukupnya. Hukuman yang dijatuhkan ke atas responden selama sembilan tahun penjara dan sepuluh sebatan dengan rotan adalah 'manifestly inadequate' (lihat perenggan 12).

(2) Jenayah seperti yang dilakukan oleh responden semestinya terjumlah dalam kategori jenayah yang mewajarkan hukuman berbentuk 'retributive' serta 'deterrent' yang mencerminkan 'the public's intolerance and abhorrence' terhadap jenayah yang sedemikian (lihat perenggan 17).

(3) Hakim bicara telah mengambil kira fakta bahawa responden telah mengaku salah di atas pertuduhan yang dikenakan tersebut. Fakta ini sepatutnya tidak perlu dipertimbangkan dalam kes-kes di bawah ADB (lihat perenggan 19).

(4) Di dalam kes ini, oleh kerana rundingan akuan tersebut tidak direkodkan, maka tidaklah diketahui sama ada keperluan-keperluan mandatori di bawah s 172C Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') telah dipatuhi. Dalam keadaan di mana rundingan akuan tersebut tidak direkodkan menurut s 172C KTJ, maka rundingan akuan tersebut sesungguhnya tidak wujud di sisi undang-undang, tidak mempunyai atau membawa sebarang kesan ke atas bentuk penghukuman yang akan dikenakan dan sewajarnya diabaikan sama sekali. Ia tidak menjadi faktor yang relevan untuk dipertimbangkan oleh mahkamah. Perkiraan hakim bijaksana khilaf dari awal lagi apabila menetapkan hukuman penjara maksima adalah 15 tahun sahaja kerana kononnya ada rundingan akuan yang dikatakan tersebut (lihat perenggan 25–26 & 31).

[English summary

The respondent in this case was initially charged with an offence under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA'). However, an alternative charge of possessing dangerous drugs under s 12(2) of the DDA was proferred against him upon the representation adduced by the respondent to the appellant. On 3 February 2014, while conducting surveillance, a sergeant from the police force and his team saw the respondent looking suspicious and approached him, introducing themselves as the police. The respondent kept mum when he was questioned as to whether he kept any incriminating items. After conducting a body search on the respondent, the police officer found a blue plastic package which contained transparent plastic containing clear solids suspected to be *syabu*. The respondent was arrested and handed to the investigating officer together with the items seized. The chemist confirmed that the items were indeed 53.73g of methamphetamine. At the High Court, the respondent pleaded guilty to the alternative charge which was was possession of drugs under s 12(2) of the DDA and was sentenced to nine years imprisonment and a minimum of ten rotan strokes. Dissatisfied with the decision of the judge, the appellant filed the present appeal against the sentence. The appellant submitted that the amount of drugs was too big and could trigger statutory assumption of trafficking. The appellant also argued that, in drug abuse cases, public interest was given priority over individual interest. The appellant further contended that the punishment was not in line with the trend of sentencing in similar cases. The appellant averred that the trial judge failed to take into account the respondent's previous offences and gave undue consideration on the respondent's interest. The respondent further submitted that the trial judge had taken into account a negotiation of admission which did not transpire. On the other hand, the respondent submitted that he had given full cooperation to the police during and after the arrest. In addition to that, the respondent's previous offence were light and he was only sentenced to a few months imprisonment. The respondent also submitted that he has a 70-year-old mother to be taken care of.

Held, allowing the appeal, setting aside the sentence of the High Court and replacing it with 15 years imprisonment:

(1) The trial judge had taken into consideration all the relevant factors and applied the correct judicial principles in sentencing the respondent. However the sentence did not reflect what was being digested by the trial judge in his grounds of judgment. The sentence did not reflect the seriousness of the offence committed by the respondent and how public interest must be sufficiently protected. The punishment of nine years imprisonment and ten strokes of rotan against the respondent was manifestly inadequate (see para 12).

(2) A crime such as what had been committed by the respondent would fall

under a category requiring a retributive or deterrent sentencing which reflect the public's intolerance and abhorrence against the crime of such nature (see para 17).

(3) The trial judge took into consideration the fact that respondent had admitted guilty of the charge. This fact should not be considered in cases under the DDA (see para 19).

(4) In this case, since the negotiation of guilt was not recorded, it was not known whether the mandatory requirements under s 172C of the Criminal Procedure Code had been complied with. In a situation where the negotiation of admission was not recorded pursuant to s 172C of the CPC, such negotiation of admission did not exist in law, did not have or carry any implications on the form of sentencing meted out and ought to be ignored in toto. It is not a relevant factor to be considered by the court. The initial calculation in fixing the maximum imprisonment sentence by the trial judge was only 15 years due to the allegation that a negotiation of admission took place (see paras 25–26 & 31).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 425-485.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah Ang Swee Kang v PP [1988] 1 MLJ 167; [1987] CLJ (rep) 209, MA (dirujuk)
Chang Liang Song & Ors v PP [1982] 2 MLJ 231, MP (dirujuk)
PP v Abdul Halim Ishak & satu lagi [2013] 9 CLJ 559, MR (dirujuk)
PP v Kanadasan a/l Sankaran & Anor [2010] 1 MLJ 297; [2010 1 CLJ 596, MR (dirujuk)
PP v Ling Leh Hoe [2015] MLJU 1006; [2015] 4 CLJ 869, MR (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)
PP v Manimaran a/l Manickam [2011] 6 MLJ 534; [2011] 8 CLJ 439, MR (dirujuk)
PP v Ooi Teng Chian [2006] 1 MLJ 213, MR (dirujuk)
R v Sargent (1974) 60 Cr App R 74, MR (dirujuk)
Tia Ah Leng v PP [2004] 4 MLJ 249; [2004] 4 CLJ 77, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da)(xvi), 39A(2), 39B(1)(a)
Kanun Acara Jenayah ss 172C, 173C, Borang 28A, Jadual Kedua

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-33–05 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Muhamad Yasser bin Mohd Nasri (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak perayu.
Pihak responden hadir sendirian.

Ahmadi Asnawi HMR:

[1] Pada asalnya responden telah dipertuduh dengan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB 1952') kerana mengedarkan dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 53.73g. Walau bagaimanapun satu pertuduhan pilihan telah ditawarkan kepada responden di atas representasi yang dikemukakan oleh responden kepada pendakwa raya.

[2] Pertuduhan pilihan tersebut dibutirkan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 3 Februari 2014, jam lebih kurang 11.30 malam, di tepi jalan berhadapan TNB, Jalan Radin 5, Off Jalan Radin, Sri Petaling, dalam Daerah Brickfields, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah memiliki dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 53.73 gram dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.

[3] Responden telah mengaku salah ke atas pertuduhan pilihan di atas dan telah dihukum dengan hukuman penjara selama sembilan tahun berkuat kuasa mulai dari tarikh tangkap (3 Februari 2014) dan juga dikenakan hukuman mandatori minima sepuluh sebatan dengan rotan.

[4] Pendakwa raya yang tidak berpuas hati, telah mengemukakan rayuan terhadap hukuman yang dijatuhkan tersebut di mahkamah ini.

[5] Fakta ringkas kes yang diakui oleh responden adalah seperti berikut:

(a) bertindak atas maklumat, pada 3 Februari 2014 pada kira-kira jam 10.45 malam, D/Sjn Mohd Sidek bin Paimin bersama-sama lima anggotanya dari IPD Brickfields, Kuala Lumpur, telah membuat pengawasan di kawasan Jalan Radin Anum 5, Off Jalan Radin, Sri Petaling;

(b) pada kira-kira jam 11.30 malam, pasukan polis tersebut telah melihat responden di tepi jalan berhampiran stesen TNB dalam keadaan mencurigakan. D/Sjn Mohd Sidek lantas memberi isyarat kepada pasukannya untuk menghampiri responden;

(c) setelah D/Sjn tersebut menghampiri responden dan memperkenalkan diri sebagai pegawai polis dan menunjukkan kad kuasanya, responden kelihatan terkejut, menggelabah dan gelisah. Beliau mendiamkan diri ketika disoal sama ada menyimpan apa-apa barang salah;

(d) D/Sjn Mohd Sidek kemudian telah menjalankan pemeriksaan ke atas badan responden dan menjumpai satu bungkusan plastik warna biru bertulisan bahasa Thailand dari dalam poket belakang sebelah kiri seluar yang dipakai oleh responden;

(e) setelah plastik biru tersebut dibuka, D/Sjn Mohd Sidek mendapati ia mengandungi satu paket plastik lut sinar berisi ketulan-ketulan jernih disyaki dadah jenis syabu; dan

(f) responden telah ditangkap dan kemudian diserahkan kepada pegawai penyiasat (Insp Wan Mohd Hafiz bin Wan Shuib) bersama-sama dengan semua barang-barang kes yang dirampas.

[6] Ahli kimia, Suhana bt Ismail, telah mengesahkan barang kes disyaki dadah tersebut adalah methamphetamine seberat 53.73g.

HUJAHAN PERAYU

[7] Perayu menghujahkan hukuman penjara selama sembilan tahun dan sepuluh sebatan dengan rotan adalah terlampau tidak mencukupi ('manifestly inadequate') kerana:

(a) jumlah dadah tersebut cukup besar, melebihi 53.73g had minima di bawah s 37(da)(xvi) ADB 1952, dan telah 'trigger' anggapan statutori mengedarkan dadah tersebut;

(b) kepentingan awam dalam kes-kes penyalahgunaan dadah hendaklah diberi keutamaan berbanding kepentingan individu untuk melindungi khalayak umum dari gejala ini yang boleh memusnahkan struktur tatasusila masyarakat. Untuk memperkuatkan hujahannya, timbalan pendakwa raya ('TPR') telah merujuk kepada autoriti-autoriti — *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; *Tia Ah Leng v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 249; [2004] 4 CLJ 77; *Public Prosecutor v Kanadasan a/l Sankaran & Anor* [2010] 1 MLJ 297; [2010 1 CLJ 596; *Abdullah Ang Swee Kang v Public Prosecutor* [1988] 1 MLJ 167; [1987] CLJ (rep) 209 — yang mengupas isu-isu dan prinsip-prinsip penghukuman yang berkaitan dengan kepentingan awam;

(c) hukuman yang dijatuhkan tidak sehaluan dengan 'trend' penghukuman untuk kes-kes yang melibatkan jenis dadah yang sama, dihukum di bawah kesalahan yang sama (memiliki) dan di mana pesalah-pesalah telah mengaku salah atas kesalahan tersebut. Trend hukuman yang dijatuhkan adalah di antara 12 tahun hingga 15 tahun, seperti jadual di ms 7–8, hujahan bertulis perayu;

(d) hakim bicara gagal untuk mengambil kira rekod kesalahan lampau responden, ekh P13 (di ms 15–18 rekod rayuan (RR) Jld 2). Beliau telah memberi pertimbangan yang berlebihan ke atas kepentingan perayu; dan

(e) hakim bicara telah mengambil kira rundingan akuan ('plea bargain') yang tidak wujud.

[8] Responden pula menyatakan:

(a) telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada pihak polis semasa dan selepas ditangkap;

(b) memohon supaya hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi dikekalkan;

(c) mempunyai ibu yang berumur 70 tahun untuk dijaga;

(d) memohon peluang untuk memperbaiki diri; dan

(e) rekod kesalahan lampau merupakan kes-kes yang kecil dan dijatuhi hukuman beberapa bulan penjara sahaja.

KEPUTUSAN KAMI

[9] Kami mendapati bahawa hakim bicara telah mengambil kira isu-isu yang dirungutkan oleh pendakwa raya tersebut di hadapan kami.

[10] Di perenggan 9, ms 14 rekod rayuan (RR), Jld 1, hakim bicara menyatakan:

> Sebelum menjatuhkan hukuman 9 tahun penjara dan 10 sebatan dengan rotan ke atas tertuduh, faktor penting dan paling utama saya pertimbangkan adalah kepentingan awam dan keseriusan kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh. Kesalahan berkaitan dadah berbahaya merupakan kesalahan yang berat serta wajar pesalah dadah menerima hukuman yang berat sebagai pencegahan dan pengajaran kepada tertuduh dan juga masyarakat umum. Berat dadah berbahaya yang terlibat juga agak besar dan bukan untuk kegunaan tertuduh sendiri.

[11] Seterusnya di perenggan 10, ms 15, RR, Jld yang sama, hakim bicara menyatakan:

> Faktor pemberatan hukuman yang lain yang turut saya pertimbangkan adalah bahawa ini bukanlah merupakan kesalahan pertama tertuduh melibatkan dadah berbahaya. Puan TPR telah mengemukakan rekod kesalahan lampau tertuduh (P13) yang diakui oleh tertuduh. P13 menunjukkan, sebelum ini tertuduh telah menjalani hukuman kerana memasukkan dadah ke badan sendiri dan juga kesalahan memiliki dadah berbahaya. Tertuduh juga pernah menjalani pemulihan

di pusat pemulihan dadah. Ini menunjukkan bahawa tertuduh merupakan seorang penagih dadah yang tegar.

[12] Pada hemat kami, hakim bicara telah mengambil kira kesemua faktor-faktor yang relevan dan telah menggunakan prinsip-prinsip penghakiman yang betul dalam menjatuhkan hukuman ke atas responden, namun hukuman yang dijatuhkan tersebut tidak menggambarkan apa yang dicernakan oleh hakim bicara dalam alasan penghakimannya seperti dipetik di atas. Hukuman tersebut juga tidak menggambarkan betapa seriusnya kesalahan yang telah dilakukan oleh responden dan betapa kepentingan awam perlu dilindungi dengan secukupnya. Kami bersetuju dengan hujahan TPR bahawa hukuman yang dijatuhkan ke atas responden selama sembilan tahun penjara dan sepuluh sebatan dengan rotan adalah 'manifestly inadequate'.

[13] Dalam lebaran journal undang-undang kita, terdapat berpuluh-puluh nas duluan yang menggambarkan betapa jelik dan serius kesalahan yang dilakukan oleh responden dan bagaimana kesalahan-kesalahan yang melibatkan penyalahgunaan dadah seperti ini harus ditangani.

[14] Tidak ada keraguan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh responden merupakan kesalahan yang berat/serius. Kesalahan ini membawa hukuman penjara maksima 30 tahun dan minima lima tahun dan sebatan mandatori minima sepuluh sebatan, yang boleh ditambah sehingga 24 kali sebatan. Di dalam kes *Chang Liang Song & Ors v Public Prosecutor* [1982] 2 MLJ 231, Raja Azlan Shah (pada ketika itu) telah menyatakan hukuman dalam kes dadah perlu setimpal untuk:

> In order to mark the gravity of the offence, to emphasise public disapproval, to serve as a warning to others, to punish the offenders and most of all to protect the public.

[15] Di dalam kes *Public Prosecutor v Abdul Halim Ishak & satu lagi* [2013] 9 CLJ 559, Mahkamah Rayuan menyatakan hukuman yang berat ke atas pesalah-pesalah dadah perlu dikenakan kerana:

> Severe sentence must also be warranted against drug offenders to emphasise on the elements of denunciation, to show that the heavy sentence reflects a symbolic, collective statement that the offender's conduct should be punished for encroaching our basic code of values as enshrined within our substantive criminal law.

[16] Isu kepentingan awam dan amaun dadah yang besar telah ditangani oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Teng Chian* [2006] 1 MLJ 213, yang memutuskan:

> [25] It is well established that sentencing in drug offences must reflect the public interest to be served as it is an on-going national problem. The weight of the drugs involved is another factor to be considered. In this case, the amount of dangerous

drugs involved is very substantial. In such circumstances, neither the guilty plea of the accused nor the fact that he is a first offender can be considered too favourably in favour of the accused ...

[17] Jenayah seperti yang dilakukan oleh responden semestinya terjumlah dalam kategori jenayah yang mewajarkan hukuman berbentuk 'retributive' serta 'deterrent' yang mencerminkan 'the public's intolerance and abhorrence' terhadap jenayah yang sedemikian. Lawton LJ dalam kes *R v Sargent* (1974) 60 Cr App R 74 di ms 77 menyatakan:

There is however, another aspect of retribution which is overlooked: it is that society through the courts must show its abhorrence of particular types of crime and the only way of which they, the courts can do this is by the sentence they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand, courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to lead public opinion.

[18] Pada hemat kami, jenayah yang dilakukan oleh responden semestinya terjumlah dalam kategori jenayah yang dimaksudkan oleh Lawton LJ di atas. Ini kerana seperti yang dikatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Tia Ah Leng v Public Prosecutor* [2004] 4 MLJ 249; [2004] 4 CLJ 77:

The Government and the Legislature have taken very serious views in the abuse of usage of dangerous drugs. Drug addiction are rampant and the Government as well as the Legislative have tried to curb these addictions especially amongst youths but met with little success. Death sentences and heavy penalties have been introduced but we find drug addicts everywhere. The addiction of drugs have led to other offences such as thefts, burglary and snatch theft. Some of these offences lead to serious consequences. We have read in the newspapers that some addicts have gone to the extent of hurting their own families such as their mothers, sisters and grandmothers in order to get some money to purchase drugs to support their addictions.

[19] Hakim bicara juga telah mengambil kira fakta bahawa responden telah mengaku salah di atas pertuduhan yang dikenakan tersebut. Fakta ini sepatutnya tidak perlu dipertimbangkan. Mahkamah Rayuan dalam kes *Tia Ah Leng* telah memutuskan:

(1) Although it is an accepted rule of practice that an accused person — who pleads guilty to an offence with which he has been charged — should be given a discount on the sentence that would otherwise have been imposed on him had he been convicted after a trial, yet there are important exceptions to this general rule. Indeed, the offences under the Dangerous Drugs Act 1952 are exceptions to this rule, The Government and the Legislature have taken various and serious steps to control the menace of drug trafficking and its associated crimes, and the courts should play their part by imposing the stringent punishments prescribed therefore by the DDA.

[20] Selanjutnya, pada hemat kami, hakim bicara terlalu dipengaruhi dengan rundingan akuan yang dikatakan wujud di antara pendakwa raya dengan responden. Di para 15, ms 15, Jld 1, RR, hakim bicara menyatakan:

> Akhirnya pertimbangan turut saya berikan terhadap faktor rundingan akuan yang telah berlaku dalam kes ini. Dalam hal terdapat rundingan akuan terhadap hukuman, ini bermakna hukuman maksima tidak lagi 30 tahun. Sebaliknya tertuduh boleh dihukum maksima setengah daripada hukuman maksima yang diperuntukkan. Dalam keadaan kes ini, maksima hukuman yang boleh dikenakan terhadap tertuduh adalah 15 tahun penjara serta sebatan minima 10 sebatan.

[21] Namun begitu hakim bicara turut merekodkan di para 8, ms 14 Jld yang sama:

> ... Puan TPR dan peguambela tertuduh bersetuju hukuman yang bakal dikenakan terhadap tertuduh sekiranya tertuduh mengaku salah terhadap tuduhan pilihan (P3) adalah sekitar 8–10 tahun, tertakluk kepada faktor-faktor mitigasi. Walau bagaimanapun, apa yang dipersetujui hasil rundingan akuan tersebut tidak direkodkan dan ditandatangani oleh pihak-pihak seperti dikehendaki di bawah s 172C KAJ.

[22] Seksyen 172C Kanun Acara Jenayah ('KAJ') menggariskan pelbagai prosedur yang bersifat mandatori yang perlu dipatuhi oleh orang kena tuduh ('OKT') yang memohon untuk rundingan akuan di mahkamah. Ia perlu dipohon melalui borang berkanun (Borang 28A, Jadual Kedua) di mana intipatinya antara lain memperuntukkan satu deklarasi oleh OKT bahawa permohonannya dibuat dengan kerelaannya ('voluntarily') setelah memahami sifat dan jangkauan ('extent') hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang di mana OKT tersebut telah dipertuduhkan. Ia juga merangkumi maklumat sama ada rundingan akuan yang dipohon tersebut adalah berkaitan dengan hukuman sahaja atau atas kesalahan yang dipertuduhkan terhadap OKT.

[23] Seksyen ini juga memberi keutamaan bahawa mahkamah hendaklah berpuas hati bahawa permohonan untuk rundingan akuan tersebut telah dipohon dengan kerelaan OKT dan adalah menjadi kewajipan ('duty') mahkamah untuk memastikan ('ensure') bahawa proses rundingan akuan tersebut dijalankan dengan kerelaan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang terlibat dalam rundingan akuan tersebut.

[24] Disposisi yang dipersetujui tersebut hendaklah diturunkan dalam bentuk bertulis dan ditandatangani oleh OKT, peguam belanya jika OKT diwakili dan pendakwa raya dan mahkamah hendaklah memberi kesan kepada disposisi tersebut sebagaimana dipersetujui oleh OKT dan pendakwa raya.

[25] Di dalam kes di hadapan kami, oleh kerana rundingan akuan tersebut tidak direkodkan, maka tidaklah diketahui sama ada keperluan-keperluan mandatori di bawah s 172C tersebut telah dipatuhi. Juga tidak diketahui sama ada tertuduh telah memohon untuk membuat rundingan akuan tersebut dengan kerelaannya sendiri. Ini adalah keperluan yang penting kerana mahkamah boleh menolak permohonan tersebut jika didapati permohonan tersebut telah dibuat tanpa kerelaan ('involuntarily') pemohon/OKT. Juga tidak diketahui sama ada mahkamah telah berpuas hati bahawa proses rundingan akuan tersebut telah dijalankan dengan kerelaan sepenuhnya oleh pihak-pihak yang terlibat ('participate') dalam rundingan tersebut iaitu OKT atau peguambelanya dan pendakwa raya.

[26] Dalam keadaan di mana rundingan akuan tersebut tidak direkodkan menurut s 172C KAJ, maka rundingan akuan tersebut sesungguhnya tidak wujud di sisi undang-undang, tidak mempunyai atau membawa sebarang kesan ('effect') ke atas bentuk penghukuman yang akan dikenakan dan sewajarnya diabaikan sama sekali. Ia tidak menjadi faktor yang relevan untuk dipertimbangkan oleh mahkamah.

[27] Di peringkat ini adalah wajar untuk meneliti keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Manimaran a/l Manickam* [2011] 6 MLJ 534; [2011] 8 CLJ 439. Kes ini telah diputuskan sebelum pindaan yang mewujudkan s 172C KAJ.

[28] Dalam kes tersebut, proses rundingan akuan juga tidak direkodkan dalam nota keterangan bagi menunjukkan proses tersebut ada berlaku di antara pendakwa raya dan OKT mengenai hukuman.

[29] Raus Sharif HMP (pada ketika itu) dalam penghakimannya telah menyatakan, antara lain:

> [29] ... it appears that there is a dispute as to the circumstances that led to the respondent pleading guilty to the amended charge. The respondent is claiming that he had pleaded guilty to the amended charge on the understanding that the sentence imposed by the court would be the sentence earlier agreed between the prosecution and the defence. Such understanding is being disputed by the prosecution. As stated earlier nothing is being recorded by the learned trial judge other than what he had said in his grounds of judgment.
>
> [30] Clearly there is uncertainty whether there was such an understanding between the prosecution and the defence. As such we are in doubt as to whether the plea of guilty was an unqualified plea. We are giving the benefit of the doubt to the respondent.

[30] Walaupun kes di atas tidak berkaitan dengan rundingan akuan di bawah s 172C, ianya boleh dianggap sebagai 'precursor' kepada s 173C

tersebut. Intipati yang boleh digarap dari keputusan tersebut ialah sesuatu rundingan akuan yang tidak direkodkan hanya menimbulkan kekeliruan atau ketidakpastian dan tidak wajar dipertimbangkan untuk dijadikan asas penghukuman.

[31] Kes di hadapan kami adalah amat jelas. Rundingan akuan tersebut tidak langsung direkodkan dan secara nyata telah melanggar peruntukkan s 172C KAJ. Hakim bicara nyata terkhilaf di sisi undang-undang apabila menimbangkan perkara yang tidak wujud serta mengambil kira faktor yang tidak relevan dalam penghukuman yang dijatuhkan ke atas responden. Selanjutnya, perkiraannya khilaf dari awal lagi apabila menetapkan hukuman penjara maksima adalah 15 tahun sahaja (separuh dari hukuman maksima 30 tahun penjara yang diperuntukkan oleh s 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952) kerana kononnya ada rundingan akuan yang dikatakan tersebut.

[32] Seterusnya, kami telah menghalusi dengan cermat mitigasi yang diunjurkan oleh responden seperti dinyatakan di atas. Kami mendapati mitigasi tersebut amatlah lumrah lagi lazim yang sepatutnya difikirkan semasak-masaknya oleh perayu sebelum melakukan kesalahan ini.

[33] Tidak wujud 'extenuating circumstances' yang mewajarkan hukuman yang lunak selain dari hukuman yang berbentuk 'deterrent'. Seperti kata Mohd Zawawi Salleh HMR, dalam kes *Public Prosecutor v Ling Leh Hoe* [2015] MLJU 1006; [2015] 4 CLJ 869 :

> ... abuse of dangerous drugs is a scourge to our society leading to many spin off incidences of criminal behaviour. It is a purveyor of death. Therefore, one could hardly deny that drug offenders are a threat to our society from which we must be protected, sometimes by means of a lengthy custodial sentence.

KESIMPULAN

[34] Berdasarkan kepada segala alasan seperti diperincikan di atas, kami membenarkan rayuan pendakwa raya. Hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara yang bijaksana diketepikan dan digantikan dengan hukuman 15 tahun penjara, bermula dari tarikh ditangkap dan sepuluh sebatan dengan rotan.

Rayuan dibenarkan rayuan; hukuman Mahkamah Tinggi diketepikan dan digantikan dengan hukuman 15 tahun penjara.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatah